

Memorandum Dong Jiao Zong

Pembangunan Pelbagai Aliran Sekolah
Secara Adil Dan Sistemik
Untuk Memperkembangkan
Kelebihan Dan Kemajuan Negara

Kepada

**Perdana Menteri Malaysia
Y.A.B. Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak**

Dikemukakan Oleh

**Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah China
Malaysia (Dong Zong)**

**Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia
(Jiao Zong)**

14 November 2011

Memorandum Dong Jiao Zong
Kepada
YAB Perdana Menteri
Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak

14 November 2011

(1) PENDAHULUAN

Negara kita merupakan sebuah negara yang berbilang bangsa, bahasa, budaya dan agama. Perlembagaan negara menghormati pengekalan dan pembangunan bahasa, budaya dan agama yang berbagai-bagai.

Rukun Negara memperakukan hakikat ini dan menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak. Jelas sekali, dalam konteks Rukun Negara, masyarakat berbilang bangsa bukan faktor yang menghalang kemajuan negara, sebaliknya kepelbagaian budaya dan bahasa masyarakat berbilang bangsa merupakan aset dan kelebihan negara kita.

Selain itu, penerimaan dan pembangunan pendidikan bahasa ibunda sesuatu bangsa dan pemilihan jenis pendidikan oleh ibu bapa untuk anak-anak mereka merupakan hak asasi manusia yang diperakukan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Semasa rakyat berbilang bangsa bersama-sama menuntut kemerdekaan negara, Ordinan Pelajaran 1957 yang digubal ketika itu menerima dasar pendidikan *multiculturalism* yang memenuhi kehendak pendidikan bahasa ibunda. Ini jelas dinyatakan oleh Dasar Pendidikan Kebangsaan yang ditetapkan oleh seksyen 3 Ordinan Pelajaran 1957 yang menyatakan bahawa “***The educational policy of the Federation is to establish a national system of education acceptable to the people as a whole which will satisfy their needs and promote their cultural, social, economic and political development as a nation, with the intention of making the Malay language the national language of the country whilst preserving and sustaining the growth of the language and culture of people other than Malays living in the country.***”

Malangnya, Laporan Rahman Talib 1960 dan Akta Pelajaran 1961 telah memutarbelit dan mengubah dasar pendidikan kebangsaan tersebut iaitu dasar pendidikan *multiculturalism / multilateral* kepada dasar pendidikan yang *unilateral* atau sistem satu aliran sekolah. Pada masa sekarang, Akta Pendidikan 1996 masih terus melaksanakan dasar pendidikan yang *unilateral* tersebut. Ini

menyebabkan sekolah-sekolah aliran bahasa Cina dan bahasa Tamil menghadapi layanan yang tidak adil selama ini, terutamanya masalah-masalah perguruan, peruntukan wang dan pembinaan sekolah masih tidak diselesaikan.

Sehubungan itu, Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah China Malaysia (Dong Zong) dan Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong), iaitu Dong Jiao Zong mengemukakan memorandum ini kepada YAB Perdana Menteri dan berharap pihak kerajaan memberi pertimbangan wajar dan menyelesaikan masalah-masalah pendidikan berkenaan. Memorandum ini mengemukakan 15 isu yang meliputi 43 kehendak.

(2) MASALAH PENDIDIKAN DAN CADANGAN PENYELESAIAN

1. Penubuhan Jawatankuasa Mengkaji Semula Sistem Pendidikan Negara Yang Dianggotai Oleh Wakil Pertubuhan Setiap Aliran Sekolah

Pada tahun 2007, Dong Jiao Zong telah mengemukakan satu memorandum berkenaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 kepada Kementerian Pelajaran. Kami mencadang agar Kementerian Pelajaran mengadakan platform untuk berbincang dengan pertubuhan-pertubuhan setiap aliran pendidikan bagi mencari penyelesaian kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh setiap aliran sekolah.

Pada tahun 2009, Dong Jiao Zong juga mengemukakan memorandum kepada YAB Perdana Menteri dan menyeru kerajaan menubuhkan satu jawatankuasa untuk mengkaji semula sistem pendidikan negara. Selain itu, pada tahun 2010, Dong Jiao Zong juga mengemukakan memorandum berkenaan Rancangan Malaysia Ke-10 kepada kerajaan dan sekali lagi menyeru kerajaan menubuhkan satu jawatankuasa untuk mengkaji semula sistem pendidikan negara.

Pada 26 Julai 2011, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran YAB Tan Sri Muhyiddin berkata, pihak Kementerian Pelajaran telah menubuhkan satu jawatankuasa yang diketuai oleh Ketua Pengarah Pelajaran Dato' Abd. Ghafar untuk mengkaji semula sistem pendidikan negara. Laporan awal akan disiapkan pada penghujung tahun ini dan akan dikemukakan kepada YAB Perdana Menteri. Seterusnya, kajian yang menyeluruh akan dijalankan manakala hala tuju pendidikan negara akan diumumkan kepada rakyat.

Kehendak kami:

- (1) Memandangkan kajian semula sistem pendidikan merupakan satu perkara yang mustahak dan memberi impak yang besar, maka jawatankuasa kajian semula sistem pendidikan negara yang ditubuhkan oleh Kementerian Pelajaran seharusnya menjemput pertubuhan-pertubuhan dari setiap aliran sekolah termasuk Dong Jiao Zong untuk menganggotai dan menyertai jawatankuasa tersebut. Ia harus memastikan kedudukan sama rata, layanan adil dan pembangunan yang sistematik bagi semua aliran sekolah, terutamanya dari aspek undang-undang, dasar dan pelaksanaan.
- (2) Seperti diketahui umum, YAB Perdana Menteri bercita-cita menjadi seorang perdana menteri kepada semua rakyat, dan berpendapat semua aliran sekolah merupakan aliran perdana dan kelebihan negara kita, dan kerajaan tidak akan menghapuskan sekolah rendah Cina dan Tamil untuk memastikan negara kita dapat melahirkan tenaga manusia yang kreatif dan berinovasi. Oleh itu, Dong Jiao Zong berharap pandangan YAB tersebut dapat dirangkumi ke dalam kajian semula sistem pendidikan negara. Kerajaan harus melaksanakan dasar pendidikan *multiculturalism / multilateral* bagi memastikan pengkalan dan pembangunan adil setiap aliran sekolah, menghormati aspirasi dan hak pendidikan bahasa ibunda serta pemilihan aliran pendidikan. Dong Jiao Zong pernah mengemukakan memorandum berkenaan Rang Undang-undang Pendidikan 1995 kepada kerajaan. Kami berharap kerajaan memberi pertimbangan wajar dan menerima pandangan dan kehendak kami dalam menggubal hala tuju pendidikan negara kita.

2. Memperuntukkan Wang Dan Tanah Secara Sistematik Dan Adil Serta Membatalkan Syarat-Syarat Yang Tidak Adil Dalam Pembinaan Sekolah

Kebanyakan sekolah rendah Cina ditubuhkan sebelum kemerdekaan negara kita. Selepas itu, hanya sebilangan kecil sekolah rendah Cina diberi kelulusan penubuhannya. Peruntukan wang dan tanah yang diberikan kepada sekolah rendah Cina dan pembinaan sekolah rendah Cina yang baru adalah begitu tidak adil dan tidak sistematik. Ini menyebabkan kawasan yang padat dengan penduduk Cina dan kawasan pembangunan baru menghadapi masalah kekurangan atau ketiadaan sekolah rendah Cina. Bilangan sekolah rendah Cina di sesetengah kawasan tidak cukup untuk menampung keperluan rakyat.

Pada hakikatnya, pembinaan sekolah rendah Cina iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang baru menghadapi pelbagai kesusahan atau halangan. Ini termasuk kesusahan mendapat kelulusan untuk menubuhkan sekolah baru. Walaupun terdapat sebilangan SJKC baru mendapat kelulusan untuk ditubuhkan, ia masih mengambil masa yang panjang untuk disiapkan kerana menghadapi masalah kekurangan tanah dan peruntukan pembangunan. Ini menyebabkan pembinaan sekolah baru dan perpindahan sekolah sedia ada bagi SJKC mengambil masa yang lama. Selain itu, pihak Kementerian Pelajaran menetapkan beberapa syarat yang tidak munasabah, termasuk menetapkan bahawa tabung pembinaan SJKC hendaklah mencapai 80% daripada kos pembinaan barulah permohonannya dipertimbangkan. Selain itu, pihak Kementerian Pelajaran juga menetapkan SJKC menanggung tanah dan kos pembinaan sekolah, manakala tanah tersebut adalah bukan tanah rizab sekolah yang dimiliki oleh kerajaan. Sehingga sekarang, masalah-masalah tersebut masih belum diselesaikan.

Pada tahun 1999 hingga 2008, kerajaan telah meluluskan pembinaan 16 buah SJKC baru dan perpindahan 75 buah SJKC sedia ada. Sehingga 15 Julai 2011, hanya 8 buah SJKC baru dan 54 SJKC yang dipindah siap dibina. Kini, terdapat 3 buah SJKC baru masih dalam pembinaan, manakala pembinaan 5 buah SJKC baru masih belum dimulakan. Selain itu, terdapat 21 buah SJKC yang dipindah berkenaan masih belum siap dibina. (Sila rujuk Jadual 1 dan Jadual 2).

Jadual 1: Bilangan pembinaan SJKC baru yang diluluskan oleh kerajaan dalam tahun 1999-2008 dan progres pembinaan SJKC baru

Tahun Kelulusan	Bilangan SJKC Baru Yang Diluluskan	Bilangan SJKC Baru Yang Siap Dibina	Bilangan SJKC Baru Dalam Pembinaan	Bilangan SJKC Baru Yang Belum Mula Pembinaan
Pilihanraya Tahun 1999	6	5	1	0
Pilihanraya Tahun 2008	6	0	1	5
Bukan Tahun Pilihanraya (1999-2008)	4	3	1	0
Jumlah	16	8	3	5

Sumber: Dong Jiao Zong.

Jadual 2: Bilangan SJKC yang mendapat kelulusan untuk berpindah dan progres pembinaannya

Tahun Kelulusan	Bilangan Pemindahan SJKC Yang Diluluskan	Bilangan Pemindahan SJKC Yang Siap Dibina	Bilangan Pemindahan SJKC Yang Masih Belum Siap Dibina
Pilihanraya Tahun 1999	12	10	2
Pilihanraya Tahun 2004	17	13	4
Pilihanraya Tahun 2008	13	3	10
Bukan Tahun Pilihanraya (1999-2008)	33	28	5
Jumlah	75	54	21

Sumber: Dong Jiao Zong.

Catatan: Statistik di atas tidak termasuk perpindahan dua buah SJKC yang diluluskan selepas tahun 2008, iaitu SJK(C) Lai Meng (Jalan Ampang, Kuala Lumpur) dan SJK(C) Chiaw Nan (Marudi, Sarawak).

Selain itu, senarai SJKC baru dan pemindahan SJKC sedia ada yang diluluskan oleh kerajaan tetapi masih belum siap dibina adalah seperti berikut (Jadual 3 dan Jadual 4):

Jadual 3: Senarai pembinaan SJKC baru yang diluluskan dalam tahun 1999-2008 tetapi masih belum siap dibina

Bil	SJKC Baru Yang Masih Belum Siap Dibina	Catatan
1	SJK(C) Chung Ching (Cawangan), Kuantan, Pahang	Diluluskan pada tahun 1999. Masih dalam pembinaan. Kekurangan 800 ribu ringgit kos pembinaan. Dijangka dibuka pada tahun 2012.
2	SJK (C) Kota Emerald, Rawang, Selangor	Diluluskan pada tahun 2008. Masih dalam pembinaan. Dijangka dibuka pada tahun 2012.
3	SJK(C) Tun Tan Siew Sin, Putra Heights, Selangor	Diluluskan pada tahun 2006. Masih dalam pembinaan. Dijangka dibuka pada Jun 2012.
4	SJK(C) Bukit Serdang, Serdang, Selangor	Diluluskan pada tahun 2008. Masih dalam proses urusan hal-hal tanah. Kerajaan memberi peruntukan RM6.5 juta. Masih belum dibina.
5	SJK(C) Sungai Long, Bandar Sungai Long, Selangor	Diluluskan pada tahun 2008. Kerajaan memberi tanah dan peruntukan RM4.5 juta. Masih belum dibina.

6	SJK(C) Kajang, Kajang, Selangor	Diluluskan pada tahun 2008. Kerajaan memberi tanah dan peruntukan RM4.5 juta. Masih belum dibina.
7	SJK(C) Wangsa Maju, Wangsa Maju, Kuala Lumpur	Diluluskan pada tahun 2008. Pemaju perumahan menyumbang tanah. Kerajaan memberi peruntukan RM6 juta. Masih belum dibina.
8	SJK(C) Pei Hwa 2, Johor Bahru, Johor	Diluluskan pada tahun 2008. Masih dalam proses urusan hal-hal tanah. Kerajaan memberi peruntukan RM5.5 juta. Masih belum dibina.

Sumber: Dong Jiao Zong.

Jadual 4: Senarai perpindahan SJKC sedia ada yang diluluskan dalam tahun 1999-2008 tetapi masih belum siap dibina

Bil	Perpindahan SJKC Yang Masih Belum Siap Dibina	Catatan
1	SJK(C) Pumpong, Alor Setar, Kedah	Diluluskan pada tahun 2008. Sudah berpindah ke bangunan sekolah baru pada November 2011.
2	SJK(C) Beng Teik Pusat, Pulau Pinang	Diluluskan pada tahun 1999. Dijangka beroperasi pada tahun 2012.
3	SJK(C) Wu Teck, Klang, Selangor	Diluluskan pada tahun 2008. Dijangka beroperasi pada tahun 2012.
4	SJK(C) La Salle, Kuala Lumpur	Diluluskan pada tahun 2008. Dijangka beroperasi pada tahun 2012.
5	SJK(C) Tung Hua, Port Dickson, Negeri Sembilan	Diluluskan pada tahun 2008. Dijangka beroperasi pada tahun 2012.
6	SJK(C) Pay Fong (1), Kota Melaka, Melaka	Diluluskan pada tahun 2008. Dijangka beroperasi pada tahun 2012.
7	SJK(C) Kiow Min, Rumbia, Melaka	Diluluskan pada tahun 2008. Dijangka beroperasi pada tahun 2012.
8	SJK(C) Pei Chih, Paloh, Kluang, Johor	Diluluskan pada tahun 2008. Dijangka beroperasi pada tahun 2012.
9	SJK(C) Yong Peng (2), Yong Peng, Johor	Diluluskan pada tahun 2006. Dijangka beroperasi pada tahun 2012.
10	SJK(C) Kulai 2, Kulaijaya, Johor	Diluluskan pada tahun 1999. Dijangka beroperasi pada tahun 2012.
11	SJK(C) Poi Lam, Ipoh, Perak	Diluluskan pada tahun 2006. Masih dalam pembinaan. Kekurangan RM2 juta kos pembinaan.
12	SJK(C) Eng Ling, Lumut, Perak	Diluluskan pada tahun 2007. Masih dalam pembinaan. Kekurangan RM2 juta kos pembinaan.
13	SJK(C) Che Hwa, Beaufort, Sabah	Diluluskan pada tahun 2004. Berpindah ke Kolombong, Kota Kinabalu. Kerajaan negeri memberi tanah. Kementerian Pelajaran memberi peruntukan RM3.3 juta. Masih dalam pembinaan.

14	SJK(C) Kheng Chee, Bentong, Pahang	Diluluskan pada tahun 2008. Berpindah ke Puchong, Selangor. Masih dalam urusan pelan-pelan.
15	SJK(C) Rasa, Rasa, Selangor	Diluluskan pada tahun 2006. Sudah menjalankan urusan tender pembinaan. Masih belum dibina.
16	SJK(C) Ladang Bradwall, Negeri Sembilan	Diluluskan pada tahun 2006. Sudah menjalankan urusan tender pembinaan. Masih belum dibina.
17	SJK(C) Lih Jen, Pokok Mangga, Melaka	Diluluskan pada tahun 2008. Sudah menjalankan urusan pindahmilik tanah. Masih belum dibina.
18	SJK(C) Central Site, Segamat, Johor	Diluluskan pada tahun 2004. Menghadapi masalah tanah. Masih belum dibina.
19	SJK(C) Choon Hwa, Batu 18, Hulu Langat, Selangor	Diluluskan pada tahun 2008. Berpindah ke Lembah Maju, Ampang. Masih dalam urusan hal-hal tanah dan belum dibina.
20	SJK(C) Union, Ulu Sepetang, Taiping, Perak	Diluluskan pada tahun 2004. Masih dalam urusan hal-hal tanah dan belum dibina.
21	SJK(C) Poi Min, Gopeng, Perak	Berhenti operasi pada tahun 2003. Mendapat kelulusan perpindahan pada tahun 2004. Berpindah ke Kampar. Masih tidak ada apa-apa progres.

Sumber: Dong Jiao Zong.

Catatan: Statistik di atas tidak termasuk perpindahan dua buah SJKC yang diluluskan selepas tahun 2008, iaitu SJK(C) Lai Meng (Jalan Ampang, Kuala Lumpur) dan SJK(C) Chiaw Nan (Marudi, Sarawak).

Dalam setiap Rancangan Malaysia, kerajaan telah membina banyak Sekolah Kebangsaan mengikut keperluan pembangunan. Akan tetapi, kerajaan tidak membina SJKC yang mencukupi mengikut keperluan pembangunan (Sila rujuk Jadual 5). Selama ini, hanya sebilangan kecil SJKC baru yang diluluskan pembinaannya oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia.

Sehingga kini, kerajaan masih tidak mengumumkan bilangan SJKC baru yang akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (Tahun 2011-2015). Selain itu, maklumat berkenaan tempat pembinaan SJKC baru, peruntukan pembangunan, agihan tanah rizab sekolah dan jadual waktu pembinaan sekolah juga tidak diumumkan. Oleh itu, rakyat tidak tahu sama ada kerajaan akan membina Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Selain itu, kerajaan tidak harus mengguna perpindahan SJKC sedia ada sebagai ganti kepada pembinaan SJKC yang baru.

Mengikut garis panduan perancangan sekolah yang ditetapkan oleh kerajaan, sebuah sekolah rendah dengan tanah seluas 5 hingga 10 ekar hendaklah disediakan bagi setiap 3000 hingga 7500 orang penduduk (600 hingga 1500 unit

rumah) atau 420 hingga 1050 orang murid dalam sesuatu kawasan kejiranan. Jarak di antara rumah kediaman dan sekolah rendah adalah sedekat 0.4 hingga 0.8 kilometer dan mengambil masa 10 minit untuk sampai ke sekolah. Selain itu, kepadatan maksimum adalah sebanyak 210 orang murid bagi setiap ekar tanah dan 35 orang murid bagi setiap kelas. (Sila rujuk Lampiran 1)

Jelasnya, kerajaan mempunyai satu sistem perancangan dan pembinaan sekolah untuk menubuhkan beberapa sekolah dalam sesuatu kawasan komuniti dan menyediakan persekitaran yang baik untuk murid-murid bersekolah berdekatan dengan rumah kediaman dan memudahkan perjalanan ko-kurikulum. Akan tetapi, dalam pelaksanaannya kerajaan mengutamakan pembinaan Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan, dan tidak menyediakan tanah dan peruntukan pembangunan untuk membina SJKC dan SJKT baru secara sistematik.

Jadual 5: Perubahan bilangan sekolah bagi setiap aliran sekolah rendah dalam Rancangan Malaysia Ke-4 hingga Ke-9 (Tahun 1981-2010)

Rancangan Malaysia (Tahun)	Sekolah Kebangsaan	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)
	Bil. Sekolah	Bil. Sekolah	Bil. Sekolah
1981	4,549	1,307	579
1986	4,809	1,290	553
1991	5,001	1,289	543
1996	5,206	1,285	531
2001	5,466	1,285	526
2006	5,774	1,288	523
2011	5,848	1,291	523
RMK-4 (1981-1985)	+ 260	- 17	- 26
RMK-5 (1986-1990)	+ 192	- 1	- 10
RMK-6 (1991-1995)	+ 205	- 4	- 12
RMK-7 (1996-2000)	+ 260	0	- 5
RMK-8 (2001-2005)	+ 308	+ 3	- 3
RMK-9 (2006-2010) (hingga Jan 2011)	+ 74	+ 3	0
Jumlah (1981-2010)	+ 1,299	- 16	- 56

Sumber: Diolah oleh Dong Jiao Zong berdasarkan laporan statistik Kementerian Pelajaran.

Catatan: Statistik di atas merujuk kepada perubahan bilangan sekolah, ini termasuk jumlah bilangan sekolah baru yang dibuka dan sekolah sedia ada yang ditutup. Ia tidak termasuk pembinaan sekolah baru yang diluluskan tetapi masih dalam pembinaan dan sekolah baru yang belum dibina.

Pada tahun 1970 hingga Januari 2011, bilangan murid Sekolah Kebangsaan (SK) semakin bertambah dan dalam tempoh itu bilangan Sekolah Kebangsaan juga bertambah sebanyak 1571 buah. Dalam tempoh ini, jumlah murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) turut bertambah tetapi pada keseluruhannya bilangan SJKC telah berkurangan sebanyak 55 buah walaupun kerajaan telah meluluskan pembinaan sejumlah kecil SJKC yang baru. Selain itu, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) turut semakin berkurangan sebanyak 134 buah. (Sila rujuk Jadual 6)

Jadual 6: Bilangan sekolah dan murid setiap aliran sekolah rendah pada tahun 1970-2011

Tahun	SK		SJKC		SJKT	
	Bil. Sekolah	Bil. Murid	Bil. Sekolah	Bil. Murid	Bil. Sekolah	Bil. Murid
1970	4,277	1,046,513	1,346	439,681	657	79,278
1980	4,519	1,353,319	1,312	581,696	583	73,958
1990	4,994	1,770,004	1,290	581,082	544	96,120
1999	5,313	2,195,029	1,284	609,673	527	91,085
2000	5,379	2,216,641	1,284	622,820	526	90,280
2001	5,466	2,209,736	1,285	616,402	526	88,810
2002	5,564	2,246,492	1,285	632,180	527	90,502
2003	5,655	2,265,485	1,287	636,783	528	92,699
2004	5,713	2,300,093	1,288	647,647	528	95,374
2005	5,756	2,304,378	1,287	642,914	525	97,104
2006	5,774	2,298,808	1,288	636,124	523	100,142
2007	5,781	2,286,328	1,289	643,679	523	103,284
2008	5,785	2,401,335	1,290	639,086	523	108,279
2009	5,795	2,368,562	1,292	627,699	523	109,086
2010	5,826	2,180,564	1,291	604,604	523	104,962
2011	5,848	2,150,139	1,291	598,488	523	102,642
1999-2011	+535	-44,890	+7	+11,185	-4	+11,557
1970-2011	+1,571	+1,103,626	-55	+158,807	-134	+23,364

Sumber: Diolah oleh Dong Jiao Zong berasaskan laporan statistik Kementerian Pelajaran.

Catatan: Bilangan sekolah SK pada tahun 1970 termasuk sekolah rendah Inggeris yang ditukar menjadi SK mulai tahun tersebut. Pada tahun 1968, negara kita mempunyai 1435 buah sekolah rendah Inggeris bantuan kerajaan. Berdasarkan ini, dianggarkan SK telah bertambah hampir 3000 buah dari tahun 1970 hingga 2011.

Mengikut maklumat yang dikumpul oleh Dong Jiao Zong setakat ini, kawasan-kawasan yang perlu dibina SJKC baru termasuklah:

Jadual 7: Kawasan-kawasan yang perlu dibina SJKC baru (Belum mendapat kelulusan daripada Kementerian Pelajaran)

Negeri	Kawasan Pembinaan SJKC Baru	Bilangan Sekolah Baru	Catatan
Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	<ul style="list-style-type: none"> ● Jinjang-Kepong (1 buah) 	1	<p>Pada 10 Jun 2011, semasa YAB Perdana Menteri melawat Kampung Baru Jinjang, jawatankuasa persekutuan kampung tersebut mengemukakan keperluan pembinaan SJKC baru kepada YAB Perdana Menteri.</p>
	<ul style="list-style-type: none"> ● Taman Bukit Rahman Putra, Sungai Buloh (1 buah) ● Kota Damansara (1 buah) ● Damansara Damai (1 buah) ● Cahaya SPK, Subang (1 buah) ● Bandar Setia Alam (1 buah) ● Ara Damansara (1 buah) ● Puncak Jalil (1 buah) ● Taman Putra Permai, Seri Kembangan (1 buah) ● Pekan Kinrara, Puchong (1 buah) 	9	<ul style="list-style-type: none"> ● Gabungan Lembaga-lembaga Sekolah-sekolah Cina Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bersama-sama dengan jawatankuasa kerja pembangunan SJKC di Daerah Petaling dan Subang Jaya-USJ mengemukakan keperluan pembinaan SJKC. ● Persatuan Penduduk
	<ul style="list-style-type: none"> ● Puchong (Selain Pekan Kinrara) (2 buah) 	2	<ul style="list-style-type: none"> ● Persatuan Cina dan parti-parti politik
	<ul style="list-style-type: none"> ● Taman Tasik Prima, Puchong (1 buah) 	1	<ul style="list-style-type: none"> ● setempat mengemukakan keperluan membina 2

Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (sambungan)	<ul style="list-style-type: none"> ● USJ – Subang Jaya – Putra Heights (1 buah) 	1	<p>buah SJKC baru di Puchong.</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Kerajaan Negeri Selangor meluluskan pemberian tanah rizab seluas 4 ekar untuk pembinaan sekolah kedua bagi SJK(C) Yak Chee di Taman Tasik Prima, Puchong.
	<ul style="list-style-type: none"> ● Cheras (1 buah) ● Bandar Mahkota Cheras (1 buah) 	3	<ul style="list-style-type: none"> ● Lembaga pengelola SJK(C) Taman Connaught mengemukakan keperluan membina sekolah yang ketiga. ● Perlu membina sebuah sekolah baru untuk mengurangkan masalah kesesakan murid di SJK(C) Batu 11, Cheras. ● Lembaga pengelola SJK(C) Batu 9, Cheras dan Persatuan Penduduk Bandar Mahkota Cheras mengemukakan keperluan membina sekolah kedua bagi SJK(C) Batu 9.
Negeri Johor	<p>Kawasan Timur-laut Johor Bahru:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Taman Daya – Taman Mount Austin (1 buah) ● Taman Seri Austin – Taman Adda Heights – Taman Setia Indah (1 buah) ● Bandar Baru Permas Jaya (1 buah) <p>Kawasan Barat-laut Johor Bahru:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Taman Bukit Indah (1 buah) ● Kawasan sekitar Taman Sutera Utama (1 buah) ● Taman Universiti (1 buah) 	6	<ul style="list-style-type: none"> ● <i>The State of Johore Chinese School Managers & Teachers' Association</i> bersama-sama dengan jawatankuasa kerja pembangunan SJKC di Daerah Johor Bahru dan Daerah Kulaijaya mengemukakan keperluan pembinaan 8 buah SJKC baru. ● Pada 21 Mac 2010, ahli parlimen Pasir Gudang YB Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin (Menteri

	<p>Kawasan Kulaijaya:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Bandar Putra Kulai (1 buah) ● Taman Sri Putri Kulai (1 buah) 	2	Khaled Nordin (Menteri Pengajian Tinggi) berkata, beliau telah berbincang dengan pemaju perumahan untuk menyediakan sebidang tanah rizab sekolah untuk membina sebuah SJKC baru di kawasan parlimennya.
Negeri Pulau Pinang	<p>Pulau Pinang:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Bandar Baru Air Itam/Perumahan Farlim (1 buah) ● Paya Terubong (1 buah) ● Sungai Nibong (1 buah) ● Relau (1 buah) ● Sungai Ara (1 buah) 	5	<p><i>The Penang and Province Wellesley United Chinese School Management Association</i> mengemukakan keperluan pembinaan SJKC baru.</p>
	<p>Seberang Perai:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Sungai Dua (1 buah) ● Seberang Jaya (1 buah) ● Taman Chai Leng (1 buah) ● Bertam (1 buah) ● Alma (1 buah) ● Bukit Mertajam (1 buah) ● Nibong Tebal (1 buah) ● Tasek (1 buah) 	8	
Negeri Perak	<ul style="list-style-type: none"> ● Bercham, Ipoh (1 buah) 	1	<p><i>The Council of Perak Chinese School Committees</i> mengemukakan keperluan pembinaan SJKC baru.</p>
Negeri Sabah	<ul style="list-style-type: none"> ● Kota Kinabalu (1 buah) 	1	<p><i>The United Association of Private Chinese Secondary School Committees, Sabah</i> dan Dewan Perniagaan Dan Perindustrian Tionghua Kota Kinabalu mengemukakan keperluan pembinaan SJKC baru.</p>
Negeri Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> ● Kuching (1 buah) ● Tanjung Kidurong, Bintulu (1 buah) 	6	<ul style="list-style-type: none"> ● Semasa pilihanraya negeri Sarawak pada April 2011, YAB Perdana

	<ul style="list-style-type: none"> ● Sekitar Jalan Sibiew, Bintulu (1 buah) ● Senadin, Miri (1 buah) ● Taman Tunku, Miri (1 buah) ● Kamayang, Sibiu (1 buah) 	<p>Menteri berkata kerajaan akan mempertimbangkan permintaan Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) untuk membina sekolah yang ketujuh bagi SJK(C) Chung Hua di Kuching.</p> <ul style="list-style-type: none"> ● <i>The Sarawak United Association of Chinese Schook Boards of Management</i> mengemukakan keperluan pembinaan SJKC baru. ● Perlu membina SJKC baru untuk mengurangkan masalah kesesakan murid di kesemua 4 buah SJKC di Miri. ● Senadin dan Taman Tunku di Miri masing-masing mempunyai 30 ribu dan 50 ribu orang penduduk. Kedua-dua kawasan itu masih tidak mempunyai SJKC. ● Kamayang di Sibiu tidak mempunyai SJKC.
	Jumlah	46

Sumber: Dong Jiao Zong.

Selain itu, terdapat sebilangan SJKC yang ingin berpindah atau sudah memohon perpindahan ke kawasan lain yang masih menunggu kelulusan pihak Kementerian Pelajaran. Mengikut maklumat yang dikumpul oleh Dong Jiao Zong setakat ini, SJKC yang akan berpindah tersebut meliputi:

Jadual 8: Senarai SJKC yang ingin berpindah (Belum mendapat kelulusan daripada Kementerian Pelajaran)

Bil	SJKC Yang Berpindah	Catatan
1	SJK(C) Ladang Ulu, Rantau, Negeri Sembilan	SKM. Ingin berpindah ke Forest Heights, Seremban. Pemaju menyumbang tanah sekolah.
2	SJK(C) Parit Tinggi, Kuala Pilah, Negeri Sembilan	SKM. Ingin berpindah ke Bandar Sri Sendayan, Seremban. Bercadang memohon tanah rizab sekolah.
3	SJK(C) Ladang Regent, Gemencheh, Negeri Sembilan	SKM. Ingin berpindah ke Bandar Putra Kulai, Johor.
4	SJK(C) Panching, Jalan Sungai Lembing, Kuantan, Pahang	SKM. Ingin berpindah ke Kota Asas. Pemaju menyumbang tanah sekolah.
5	SJK(C) Yoke Hwa, Kuala Pahang, Pekan, Pahang	SKM. Telah membuat permohonan perpindahan sejak tahun 2003.
6	SJK(C) Aik Hua, Pasir Hitam, Taiping, Perak	SKM. Sekiranya tidak ada murid baru, sekolah ini akan berhenti operasi pada tahun 2012.
7	SJK(C) Chung Hua Bako, Kuching, Sarawak	SKM. Sekolah ini telah berhenti operasi pada tahun 2010. Ingin berpindah ke Bandar Baru Samariang, Kuching.
8	SJK(C) Poi Chee, Malau, Kulim, Kedah	SKM. Ingin berpindah ke Sungai Petani. Pemaju menyumbang tanah sekolah.
9	SJK(C) Lian Hua, Melabau, Beaufort, Sabah	Ingin berpindah ke kawasan bandar Beaufort dan masih tidak ada tanah sekolah.
10	SJK(C) Chung Shan, Bayan Lepas, Pulau Pinang	Sekolah ini bersebelahan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas. Menghadapi masalah pencemaran bunyi dan gangguan daripada projek pembinaan bangunan lapangan terbang. Bercadang berpindah dan masih tidak ada tanah sekolah.

Sumber: Dong Jiao Zong.

Catatan: SKM merujuk kepada Sekolah Kurang Murid.

Kehendak kami:

- (1) Kerajaan harus menggubal dan melaksanakan satu sistem pembinaan sekolah baru untuk semua aliran sekolah, sama seperti cara pembinaan sekolah kebangsaan yang baru. Peruntukan wang dan tanah hendaklah disediakan bagi pembinaan sekolah rendah Cina, Tamil dan

sekolah-sekolah lain serta dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia, bajet tahunan, pelan dan projek pembangunan pendidikan Kementerian Pelajaran supaya dapat menyelesaikan masalah kesesakan murid dan kekurangan sekolah rendah Cina dan Tamil.

- (2) Kerajaan harus menetapkan dan mengagihkan tanah rizab sekolah kepada semua aliran sekolah untuk pembinaan sekolah, termasuk merancang dan membina sekolah setiap aliran mengikut konsep sekolah komuniti, struktur penduduk dan keperluan pendidikan di samping mengadakan piawaian perancangan dan pembinaan pelbagai aliran sekolah (Contohnya, pembinaan sebuah sekolah rendah bagi setiap 3000-7500 orang penduduk atau 600-1500 unit rumah). Ia hendaklah dimasukkan ke dalam garis panduan perancangan sekolah. Kerajaan harus mengeluarkan pekeliling kepada jabatan-jabatan yang berkaitan bagi melaksanakan dasar perancangan dan pembinaan pelbagai aliran sekolah.
- (3) Kerajaan harus membatalkan syarat-syarat yang tidak adil dalam pembinaan sekolah rendah Cina dan Tamil. Ini termasuk syarat-syarat yang menetapkan SJKC hendaklah mempunyai dana yang melebihi 80% kos pembinaan untuk pertimbangan kelulusan pembinaan sekolah/bangunan sekolah, serta menanggung sendiri tanah dan kos pembinaan sekolah/bangunan sekolah manakala tanah tersebut hendaklah bukan tanah rizab sekolah yang dimiliki oleh kerajaan.
- (4) Sekolah rendah Cina iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina merupakan salah satu aliran dalam sistem pendidikan negara kita dan seharusnya mendapat layanan yang adil. Kerajaan harus menanggung semua tanah dan kos pembinaan yang diperlukan untuk pembinaan SJKC baru dan SJKC yang berpindah serta menyelesaikan segala urusan dan prosedur pembinaan supaya pembinaan sekolah dapat disiapkan dan beroperasi dengan segera.
- (5) Kerajaan harus mengumumkan bilangan SJKC baru yang akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 berserta maklumat berkenaan tempat pembinaan sekolah, peruntukan pembangunan, agihan tanah rizab sekolah dan jadual waktu pembinaan sekolah. Mengikut maklumat yang dikumpul oleh Dong Jiao Zong setakat ini, terdapat 46 buah SJKC baru yang perlu dibina di kawasan-kawasan yang disebutkan (Sila rujuk Jadual 7). Kerajaan harus menyediakan peruntukan pembangunan dan tanah yang diperlukan untuk menyiapkan pembinaan SJKC baru tersebut agar memenuhi hak dan keperluan rakyat terhadap pendidikan di SJKC.
- (6) Kerajaan harus memastikan pembinaan SJKC baru dan SJKC yang mendapat kelulusan berpindah sejak tahun 1999 hingga kini tersebut dapat disiapkan dengan segeranya. Kerajaan harus memberi tanah dan peruntukan pembangunan yang mencukupi untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam pembinaan sekolah-sekolah berkenaan.

- (7) Kerajaan harus meluluskan permohonan perpindahan SJKC dengan segeranya termasuk 10 buah SJKC yang disenaraikan dalam memorandum ini. Kerajaan harus memberi tanah dan peruntukan pembangunan kepada SJKC berkenaan supaya pembinaan sekolah dapat disiapkan dan beroperasi dengan secepat mungkin.

3. Peruntukan Pembangunan Yang Adil Dan Sistemik Kepada Semua Aliran Sekolah

Selama ini, peruntukan pembangunan yang diagihkan oleh kerajaan kepada SJKC adalah tidak adil dan tidak mencukupi. Ini menyebabkan SJKC perlu mengutip derma daripada masyarakat bagi menampung perbelanjaan pembinaan dan penyelenggaraan sekolah dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga SJKC yang membuat permohonan kerusi meja tidak diluluskan atau menghadapi pelbagai rintangan, sehingga terpaksa meminta Sekolah Kebangsaan memberi kerusi meja yang berlebihan kepada SJKC.

Jadual 9 menunjukkan peruntukan pembangunan setiap aliran sekolah rendah di bawah Rancangan Malaysia. Didapati peruntukan pembangunan yang diperolehi oleh SJKC dan SJKT adalah terlalu kecil jumlahnya.

Jadual 9: Peruntukan pembangunan yang diumumkan bagi setiap aliran sekolah rendah di bawah Rancangan Malaysia Ke-6 hingga Ke-10 pada tahun 1991-2015

Rancangan Malaysia	Perkara	SK	SJKC	SJKT	Jumlah
RMK-6 (1991-1995)	Peruntukan (RM)	1,133,076,000 (89.72%)	102,726,000 (8.14%)	27,042,000 (2.14%)	1,262,844,000 (100%)
	Bil. Murid (1991)	1,845,400 (72.98%)	583,218 (23.07%)	99,876 (3.95%)	2,528,494 (100%)
RMK-7 (1996-2000)	Peruntukan (RM)	1,027,167,000 (96.54%)	25,970,000 (2.44%)	10,902,000 (1.02%)	1,064,039,000 (100%)
	Bil. Murid (1996)	2,128,227 (75.30%)	595,451 (21.07%)	102,679 (3.63%)	2,826,357 (100%)
RMK-8 (2001-2005)	Peruntukan (RM)	4,708,800,000 (96.10%)	133,600,000 (2.73%)	57,600,000 (1.17%)	4,900,000,000 (100%)
	Bil. Murid (2001)	2,236,428 (76.04%)	615,688 (20.93%)	89,040 (3.03%)	2,914,156 (100%)
RMK-9 (2006-2010)	Peruntukan (RM)	4,598,120,000 (95.06%)	174,340,000 (3.60%)	64,840,000 (1.34%)	4,837,300,000 (100%)
	Bil. Murid (2006)	2,298,808 (75.74%)	636,124 (20.96%)	100,142 (3.30%)	3,035,074 (100%)

RMK-10 (2011-2015)	Peruntukan (RM)	Tidak diumumkan	Tidak diumumkan	Tidak diumumkan	Tidak diumumkan
	Bil. Murid (2011)	2,150,139 (75.41%)	598,488 (20.99%)	102,642 (3.60%)	2,851,269 (100%)

Sumber: Diolah oleh Dong Jiao Zong berasaskan kepada soal-jawab di parlimen, laporan statistik Kementerian Pelajaran, buku Rancangan Malaysia dan laporan akhbar.

Catatan:

1. Dalam mesyuarat agung tahunan ke-57 MCA yang diadakan pada 10 Oktober 2010, Presiden MCA Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek mengumumkan bahawa peruntukan pembangunan SJKC di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (2006-2010) adalah berjumlah RM325 juta.
2. Kerajaan telah menambah peruntukan pembangunan kepada SJKC melalui dua pakej rangsangan ekonomi dan kaedah lain. Ini menjadikan peruntukan pembangunan SJKC di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 bertambah, iaitu daripada peruntukan awal RM174.34 juta bertambah kepada RM325 juta. Ini termasuk:
 - Dalam pakej rangsangan ekonomi pertama yang diumumkan pada November 2008, pihak kerajaan mengagihkan RM200 juta kepada SJKC, SJKT, Sekolah Mubaligh dan Sekolah Agama, iaitu setiap jenis sekolah itu memperolehi RM50 juta bagi tujuan penyelenggaraan sekolah.
 - Dalam pakej rangsangan ekonomi kedua yang diumumkan pada Mac 2009, kerajaan mengagihkan RM300 juta kepada SJKC, SJKT, Sekolah Mubaligh dan Sekolah Agama bagi tujuan menambah baik kemudahan sekolah. Antara lainnya termasuk pengagihan RM95 juta untuk pembinaan 7 buah SJKC baru dan 13 buah SJKC yang berpindah.

Rancangan Malaysia Ke-10 (Tahun 2011-2015) yang dibentangkan oleh kerajaan di Dewan Rakyat pada 10 Jun 2010 tidak mengumumkan jumlah peruntukan pembangunan lima tahun bagi setiap aliran sekolah rendah. Kerajaan hanya mengumumkan pengagihan peruntukan pembangunan sejumlah RM280 juta kepada SJKC, SJKT, Sekolah Mubaligh dan Sekolah Agama, iaitu setiap jenis sekolah itu mendapat RM70 juta sahaja.

Untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Ke-10, kerajaan telah membentangkan bajet tahun 2012 di Dewan Rakyat pada 15 Oktober 2011. Dalam bajet itu, kerajaan mengumumkan pengagihan peruntukan pembangunan sejumlah RM250 juta kepada SJKC, SJKT, Sekolah Mubaligh dan Sekolah Agama. Oleh kerana kerajaan tidak memberi pengumuman yang jelas berkenaan projek dan peruntukan pembangunan SJKC dan sekolah-sekolah aliran lain, keadaan ini menjejaskan keyakinan rakyat kepada kerajaan.

Selain menghadapi masalah kekurangan peruntukan pembangunan, SJKC juga menghadapi masalah kekurangan peruntukan pengurusan, termasuk bayaran bil air, elektrik, pembentungan dan sebagainya. Terdapat juga SJKC yang menerima

surat amaran pembayaran bil atau pemotongan elektrik kerana tidak mampu membayar perbelanjaan tersebut. Ini menyebabkan pihak lembaga pengelola dan persatuan ibu bapa terpaksa membayar sendiri bayaran yang tertunggak tersebut.

Pada masa sekarang, negara kita mempunyai lebih daripada 1290 buah SJKC. Mengikut Akta Pendidikan 1996, sekolah-sekolah ini berhak mendapat peruntukan pembangunan dan peruntukan pengurusan yang penuh di sisi undang-undang. Peruntukan pengurusan meliputi bayaran bil air, elektrik, telefon, pembentungan, internet, pembelian peralatan pengajaran dan pembelajaran dan sebagainya. Peruntukan pembangunan pula meliputi perbelanjaan bagi pembinaan sekolah baru, pembinaan semula sekolah di tapak sama, pembinaan sekolah yang berpindah ke kawasan lain, pembinaan bangunan tambahan, penyelenggaraan sekolah, pembelian kerusi meja atau kelengkapan, dan lain-lain pembangunan fizikal.

Kehendak kami:

- (1) Kerajaan bertanggungjawab menyediakan pendidikan percuma kepada rakyat dan harus menanggung semua belanja mengurus dan pembangunan setiap aliran sekolah termasuk SJKC dan perbelanjaan tersebut tidak harus ditanggung oleh sekolah.
- (2) Kerajaan harus memastikan semua SJKC dimasukkan ke dalam Sistem Bayaran Pukul dan segala belanja mengurus seperti bayaran bil air, elektrik, telefon, pembentungan, internet dan sebagainya harus dibayar secara langsung oleh kerajaan. Selain itu, kerajaan harus menambah peruntukan untuk menyelesaikan bayaran tunggakan. Belanja mengurus dan bayaran tunggakan tersebut tidak harus ditanggung oleh sekolah.
- (3) Kerajaan harus memberi peruntukan pembangunan secara adil dan sistematik berasaskan bilangan murid, pembangunan fizikal dan penyelenggaraan sekolah supaya setiap aliran sekolah dapat menikmati sumber pembangunan pendidikan negara secara adil. Ini termasuk peruntukan pembangunan untuk mengadakan bangunan, mengubah atau menambah premis yang sedia ada, mengadakan perabot atau kelengkapan bagi premis yang baru, diubah atau ditambah, dan sebagainya.
- (4) Kerajaan harus mengumumkan dengan segera maklumat terperinci berkenaan peruntukan dan projek pembangunan lima tahun bagi SJKC, SJKT, Sekolah Mubaligh dan Sekolah Agama di bawah Rancangan Malaysia Ke-10. Selain itu, kerajaan harus menambah peruntukan pembangunan kepada keempat-empat jenis sekolah tersebut.
- (5) Kerajaan harus menggubal dan mengumumkan dengan segera garis panduan dan dokumen berkenaan permohonan peruntukan pembangunan oleh lembaga pengelola sekolah. Ini bagi memudahkan pihak lembaga pengelola mengemukakan projek pembangunan dan

bajet kepada Kementerian Pelajaran bagi tujuan permohonan peruntukan pembangunan sekolah.

4. Menyelesaikan Masalah Kekurangan Guru SJKC Secara Sistemik

Selama ini, Kementerian Pelajaran masih tidak menyelesaikan masalah kekurangan guru di SJKC. Mengikut statistik Kementerian Pelajaran, dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini, SJKC memerlukan seramai 2000 hingga 3000 orang GSTT atau guru sementara bagi mengisi jawatan guru yang kekosongan. Pada masa yang sama, faktor-faktor seperti persaraan dan melanjut pelajaran juga menyebabkan kekurangan sebanyak 600 hingga 800 orang guru di SJKC setiap tahun. Selain itu, bermula pada tahun 2010, Kementerian Pelajaran juga menambah baik norma perjawatan daripada 1.5n kepada 1.7n (1.5 orang bagi satu kelas kepada 1.7 orang guru bagi satu kelas) di semua aliran sekolah rendah secara berperingkat, dan ini telah menambah permintaan terhadap bilangan guru di SJKC. Maka kerajaan seharusnya menambah bilangan calon program latihan perguruan berdasarkan keperluan sebenar SJKC supaya masalah kekurangan guru dapat diatasi dengan sepenuhnya.

Selama ini, pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran selalunya mengatakan masalah kekurangan guru di SJKC adalah disebabkan oleh pemuda-pemudi keturunan Cina tidak berminat menjadi guru. Sebenarnya, pada setiap kali pengambilan calon bagi kursus latihan perguruan di institut-institut pendidikan guru (IPG), bilangan calon yang memohon mengikuti kursus latihan perguruan kategori SJKC melebihi bilangan pengambilan yang ditetapkan oleh pihak kementerian manakala ramai pemohon yang berkecukupan telah ditolak daripada mengikuti kursus latihan perguruan.

Walaupun pihak kementerian telah menambah bilangan guru di SJKC, tetapi bilangan guru mata pelajaran yang dilatih masih tidak mencukupi. Ini menyebabkan masalah kekurangan guru di SJKC terus berlanjutan dan tidak diselesaikan. Dalam usaha negara membangun ke arah menjadi sebuah negara maju, masalah kekurangan guru di SJKC masih tidak dapat diatasi. Keadaan yang tidak munasabah ini sukar diterima oleh rakyat. Pada hakikatnya, guru yang berkecukupan dan mencukupi adalah faktor utama untuk meningkatkan kualiti rakyat secara umumnya.

Pada masa yang sama, kian berlaku masalah kekurangan peruntukan di jabatan-jabatan pelajaran negeri sehingga menyebabkan SJKC tidak dapat mengambil/mengupah guru sementara dan guru ganti dengan segera bagi mengisi jawatan guru yang kekosongan. Ini mengakibatkan impak negatif terhadap pembelajaran murid-murid dan urusan pentadbiran sekolah. Guru sementara juga

menghadapi masalah bayaran gaji yang lambat, penurunan pangkat dan gaji serta masalah tuntutan 'bayaran gaji lebih' sehingga menyebabkan pihak Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) dan PIBG terpaksa membuat pembayaran terdahulu. Keadaan ini adalah tidak adil. Selain itu, masalah-masalah lain yang dihadapi meliputi perlingtonan guru yang tidak berkelayakan Bahasa Cina untuk mengajar mata pelajaran yang perlu diajar dalam bahasa Cina, dan pemohon kursus latihan perguruan Bahasa Cina di kategori SJKC dipindah ke kategori Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan tanpa pengetahuan pemohon. Masalah ulangan tersebut menimbulkan rasa tidak puas hati di masyarakat Cina.

Kehendak kami:

- (1) Kerajaan harus mengadakan sistem dan program latihan perguruan berdasarkan keperluan sebenar SJKC bagi setiap mata pelajaran, termasuk menambah pengambilan pensyarah dan guru latih, menyelesaikan masalah pengambilan guru latih dan perlingtonan guru untuk memastikan SJKC mempunyai guru yang mencukupi dan menyelesaikan masalah kekurangan guru dalam jangka masa pendek.
- (2) Kerajaan harus melatih guru dwibahasa yang menguasai bahasa Cina dan bahasa Malaysia untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia di SJKC supaya pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan untuk mempertingkatkan tahap penguasaan bahasa Malaysia di kalangan murid. Pada masa sekarang, pihak Kementerian Pelajaran masih tidak mengadakan kursus perguruan untuk melatih guru bahasa Malaysia yang menguasai bahasa Cina dan bahasa Malaysia untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia di SJKC. Tetapi, Kementerian Pelajaran telah mengadakan kursus untuk melatih guru yang menguasai dwibahasa iaitu bahasa Cina dan bahasa Malaysia untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Cina di Sekolah Kebangsaan.
- (3) Kerajaan harus mengadakan kursus penukaran khas (*Special Conversion Course*) untuk guru sementara SJKC yang telah mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia selama lima tahun dan ke atas supaya mereka memiliki kelayakan profesional untuk terus mengajar Bahasa Malaysia di SJKC.
- (4) Kerajaan harus memberi layanan yang adil kepada guru-guru sementara termasuk pembayaran gaji yang cepat dan tidak dilambat-lambatkan di samping pengambilan guru-guru sementara untuk dijadikan guru terlatih yang berkelayakan.
- (5) Kerajaan harus menyediakan peruntukan yang mencukupi sepanjang tahun untuk membolehkan SJKC mengambil guru sementara dan guru ganti dengan segera mengikut keperluan bagi mengisi jawatan guru yang kekosongan.

5. Memperkukuhkan Kelas-kelas Pendidikan Prasekolah Dan Pendidikan Khas Yang Menggunakan Bahasa Cina Sebagai Bahasa Pengantar di SJKC

Memandangkan kepentingan pendidikan awal terhadap perkembangan kanak-kanak, Kementerian Pelajaran mengumumkan pada tahun 2002 bahawa kelas-kelas prasekolah di semua aliran sekolah rendah akan dibuka secara berperingkat.

Mengikut statistik kementerian pada 31 Januari 2011, terdapat 5147 buah sekolah kebangsaan, 417 buah sekolah jenis kebangsaan Cina dan 147 buah sekolah jenis kebangsaan Tamil telah membuka kelas pendidikan prasekolah. Ini menunjukkan 88% SK, 32% SJKC dan 28% SJKT telah mempunyai kelas pendidikan prasekolah.

Jadual 10: Statistik pendidikan prasekolah di semua aliran sekolah rendah (Statistik sehingga 31 Januari 2011)

Jenis Aliran Sekolah	Jumlah Bilangan Sekolah	Bilangan Sekolah Yang Mengadakan Pendidikan Prasekolah	Bilangan Murid Pendidikan Prasekolah	Peratusan Sekolah Yang Mengadakan Pendidikan Prasekolah
SK	5,848	5,147	161,853	88.01
SJKC	1,291	417	10,703	32.30
SJKT	523	147	3,960	28.11

Sumber: Diolah oleh Dong Jiao Zong berasaskan laporan statistik Kementerian Pelajaran.

Sementara itu, terdapat 28 sekolah pendidikan khas yang bermedium bahasa Malaysia. Namun tidak terdapat sekolah pendidikan khas yang bermedium bahasa Cina dan hanya sebilangan kecil SJKC menubuhkan kelas pendidikan khas.

Kehendak kami:

- (1) Kerajaan harus memberi layanan adil kepada SJKC dan SJKT dengan membuka lebih banyak kelas pendidikan prasekolah dan menyediakan tenaga perguruan, bahan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dan mencukupi. Kerajaan juga harus memastikan kelas-kelas pendidikan prasekolah yang diadakan di SJKC hendaklah menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama manakala di SJKT pula hendaklah dijalankan dalam bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar utama.
- (2) Kelas pendidikan khas yang diadakan oleh kerajaan di SJKC hendaklah menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama supaya

murid-murid berkenaan berpeluang menerima pendidikan bahasa ibunda.

6. Penggunaan Bahasa Ibunda Sebagai Bahasa Pengantar Dan Bahasa Peperiksaan Di Semua Aliran Sekolah Rendah

Kecemerlangan penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar telah mendapat pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dan merupakan kelaziman yang diamalkan oleh dunia sejagat. Maka, mata-mata pelajaran ilmu, termasuk Sains dan Matematik hanya akan disampaikan secara berkesan melalui bahasa ibunda. Laporan pakar-pakar pendidikan luar negara dan UNESCO menunjukkan bahawa perubahan bahasa pengantar dalam keadaan kanak-kanak masih belum menguasai bahasa ibunda akan memburukkan prestasi pembelajaran mereka. Ini kerana kanak-kanak seharusnya menggunakan bahasa yang mereka paling fahami untuk tujuan belajar supaya mencapai keberkesanan pembelajaran yang optimum, terutamanya dalam mata pelajaran Sains dan Matematik, sekalipun menggunakan bahasa ibunda, kedua-dua mata pelajaran ini masih menjadi satu masalah untuk dikuasai sepenuhnya, maka sekiranya bahasa asing yang mereka kurang biasa dijadikan bahasa pengantar bagi mata pelajaran Sains dan Matematik, sudah pasti menjejaskan keberkesanan pembelajaran dengan teruk sekali.

Kajian luar negara membuktikan bahawa penggunaan bahasa kedua atau bahasa selain daripada bahasa ibunda dalam peringkat awal persekolahan akan membawa kesan negatif terhadap perkembangan daya pemikiran kanak-kanak dan menyebabkan kemerosotan prestasi akademik dalam mata pelajaran Sains, Matematik dan bahasa. Maka, kepentingan pendidikan bahasa ibunda amat ditegaskan oleh pakar-pakar pendidikan luar negara dan UNESCO.

Pada hakikatnya, pendidikan bahasa ibunda dapat mempertingkatkan daya saing negara dalam era globalisasi. Kejayaan negara-negara seperti Jepun, Korea Selatan, China, Jerman, Finland dan Perancis yang mana bahasa Inggeris bukan bahasa ibundanya telah membuktikan keberkesanan pendidikan bahasa ibunda. Sungguhpun sejak di bangku sekolah lagi, rakyat di negara-negara tersebut dididik melalui bahasa ibunda masing-masing, namun mereka mampu meningkatkan daya saing negara dalam menghadapi cabaran globalisasi.

Selama ini, sekolah-sekolah rendah pelbagai aliran di negara kita telah menggunakan bahasa ibunda masing-masing sebagai bahasa pengantar bagi mata pelajaran Sains dan Matematik. Sekolah-sekolah itu berjaya melahirkan rakyat yang banyak berjasa kepada negara.

Negara kita adalah sebuah negara yang berbilang bangsa, budaya dan bahasa. Kepelbagaian aliran pendidikan adalah kelebihan negara kita. Keunikan kepelbagaian tersebut memperkukuhkan lagi asas negara kita menjadi pusat pendidikan serantau. Justeru itu, kerajaan harus memperkasakan dan memantapkan pendidikan bahasa ibunda di semua aliran sekolah supaya murid-murid memperolehi pendidikan bahasa ibunda yang berkualiti demi kemajuan negara.

Kehendak kami:

- (1) Kerajaan harus memastikan mata pelajaran Sains dan Matematik di semua aliran sekolah rendah hendaklah menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengajaran, pembelajaran dan peperiksaan, iaitu Sekolah Kebangsaan mengguna bahasa kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina mengguna bahasa Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil mengguna bahasa Tamil dalam mata pelajaran Sains dan Matematik. Kami dengan tegasnya membantah pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di semua aliran sekolah rendah.
- (2) Kerajaan harus melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Inggeris dengan bersungguh-sungguh berdasarkan prinsip pengajaran dan pembelajaran bahasa untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar.

7. Memperluaskan Penggunaan ICT di SJKC

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 yang diumumkan oleh Kementerian Pelajaran menegaskan kepentingan ICT (*Information & Communication Technology*) dalam pendidikan untuk mempertingkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (P&P) serta kualiti pendidikan.

Usaha kerajaan memperluaskan penggunaan ICT di sekolah adalah amat tepat pada masanya dan selaras dengan transformasi pendidikan sedunia.

Bagaimanapun, dasar perluasan penggunaan ICT di peringkat sekolah lebih mengutamakan SK, manakala SJKC dan SJKT telah diabaikan. Ini menyebabkan SJKC terpaksa berusaha sendiri melalui pelbagai cara dan saluran untuk memantapkan penggunaan ICT dalam P&P.

Kehendak kami:

- (1) Kerajaan harus memperbetulkan ketidakadilan yang berlaku semasa memperluaskan penggunaan ICT di peringkat sekolah supaya murid-murid dari semua aliran sekolah berpeluang menikmati penggunaan ICT secara adil dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan negara.

8. Mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersama (UEC) Dan Menyokong Pembangunan Sekolah-Sekolah Menengah Persendirian Cina

Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) adalah sekolah-sekolah yang bukan berasaskan kepada keuntungan (*non-profit*). Kutipan yuran persekolahan tidak cukup untuk menanggung perbelanjaan sekolah. Selama ini, SMPC memikul beban ekonomi yang berat dan sentiasa mendapatkan derma daripada masyarakat untuk membiayai kos pembangunan dan pengurusan sekolah. SMPC mewajibkan semua pelajarinya mengambil dan menduduki peperiksaan mata pelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Cina dan Bahasa Inggeris.

Peperiksaan bersama SMPC yang pertama telah diadakan pada tahun 1975. Tahun 2011 merupakan tahun yang ke-37 peperiksaan bersama tersebut diadakan. Sijil Peperiksaan Bersama (*Unified Examination Certificate, UEC*) Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina telah diterima oleh banyak institusi pengajian tinggi luar negara dan institusi pengajian tinggi swasta negara kita sebagai salah satu kelayakan bagi permohonan kemasukan ke peringkat pengajian tinggi.

Negara kita mempunyai 60 buah SMPC dan jumlah pelajar sekolah-sekolah tersebut semakin bertambah. Pada tahun 2011, jumlah pelajar SMPC mencapai 67 ribu orang. Sebilangan sekolah-sekolah itu mengalami kesesakan murid dan kekurangan ruang pembangunan sehingga 7 ribu orang tidak dapat diambil untuk belajar di SMPC.

SMPC melahirkan 6 ribu hingga 7 ribu orang tamatan menengah tinggi setiap tahun dan hampir 80% tamatan tersebut melanjutkan pelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi swasta tempatan dan universiti-universiti luar negara termasuk antara 82 buah universiti luar negara yang terbaik di peringkat dunia (Sila rujuk Lampiran 2).

Pada Disember 2009, YAB Perdana Menteri secara terbuka memperakui SMPC sebagai aset negara dan memuji sumbangan SMPC dalam pembangunan modal insan negara. YAB Perdana Menteri juga berharap SMPC terus diusahakan secara bersungguh-sungguh dan mengekalkan persekitaran persekolahan yang ceria untuk melahirkan lebih ramai lagi modal insan negara yang berkualiti.

Kami mengalu-alukan kerajaan memperakui sumbangan SMPC kepada negara dan berharap kerajaan mengambil dasar dan tindakan yang adil dan proaktif untuk menyokong pembangunan SMPC. Kami berpendapat kerajaan bertanggungjawab menjaga hak dan kebajikan pelajar-pelajar negara kita dan memberi layanan yang adil kepada mereka tanpa mengira aliran pendidikan atau jenis sekolah yang mereka mendapatkan pendidikan.

Selama ini, SMPC memberi sumbangan kepada pembangunan modal insan negara. Tamatan SMPC berkecimpung dalam pelbagai sektor dan ada juga yang menjadi menteri dan timbalan menteri dalam kabinet kerajaan. Kini, persaingan antara negara adalah persaingan modal insan dan tamatan SMPC yang mempunyai kemahiran asas tiga bahasa adalah golongan yang berpeluang cerah untuk berkhidmat di dalam dan luar negara.

Kehendak kami:

- (1) Kerajaan harus mengiktiraf sepenuhnya Sijil Peperiksaan Bersama (*Unified Examination Certificate, UEC*) Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina dan menerima sijil tersebut sebagai salah satu kelayakan untuk permohonan kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam, universiti dan institut pendidikan guru dan sektor perkhidmatan awam agar melahirkan modal insan yang dapat berkhidmat dalam negara. Kerajaan harus mengambil tamatan SMPC untuk berkhidmat dalam sektor awam dan menjadi guru untuk mengatasi masalah kekurangan guru di SJKC.
- (2) Kerajaan harus menghormati hasrat pemegang Sijil UEC untuk mengikuti kursus latihan perguruan SJKC dan memastikan mereka ditugaskan ke SJKC selepas tamat latihan.
- (3) Kerajaan harus memberi bantuan kewangan secara sistematik dan tanpa sebarang syarat kepada SMPC setiap tahun, termasuk pemberian biasiswa kepada pelajar cemerlang UEC dan pemberian bantuan kewangan kepada aktiviti-aktiviti pelajar dan sukan. Ini akan dapat mengurangkan beban ekonomi yang ditanggung oleh masyarakat Cina dan SMPC demi pembangunan pendidikan negara kita.
- (4) Kerajaan harus meluluskan penubuhan SMPC dan memberi peruntukan wang dan tanah untuk penubuhan SMPC di kawasan yang mempunyai keperluan, termasuk Kuantan, Segamat dan kawasan-kawasan di Selangor dan Kuala Lumpur.

9. Layanan Adil Kepada Sekolah Menengah *Conforming* Dan Meningkatkan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Cina Di Sekolah Menengah Kebangsaan

Sekolah-sekolah Menengah *Conforming* yang dimaksudkan merujuk kepada sekolah-sekolah yang asalnya ialah Sekolah-sekolah Menengah Cina yang mana bahasa pengantar utamanya telah ditukar daripada bahasa Cina kepada bahasa Inggeris menjadi Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK). Seterusnya, bahasa pengantar utamanya ditukar lagi kepada bahasa Kebangsaan menjadi Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) sehingga masa sekarang. Pada masa sekarang, negara kita mempunyai 78 buah Sekolah Menengah *Conforming*.

Jadual 11: Bilangan sekolah, pelajar dan guru bagi Sekolah-sekolah Menengah *Conforming* pada tahun 2010

Negeri	Bilangan Sekolah	Bilangan Pelajar	Bilangan Guru
Perlis	1	1,478	123
Kedah	4	8,376	475
Pulau Pinang	10	22,866	1,341
Perak	17	27,698	1,664
Selangor	5	13,376	738
Kuala Lumpur	2	3,537	212
Negeri Sembilan	3	4,574	273
Melaka	5	5,747	335
Johor	3	4,116	245
Pahang	7	8,471	549
Terengganu	1	1,356	104
Kelantan	2	3,195	230
Sarawak	10	10,964	714
Sabah	8	10,688	618
Jumlah	78	126,442	7,621

Sumber: Diolah oleh Dong Jiao Zong berdasarkan laporan statistik Kementerian Pelajaran pada 30 Jun 2010.

Dalam proses penukaran bahasa pengantar, kerajaan telah membuat pelbagai janji kepada Sekolah-sekolah Menengah *Conforming* tersebut. Ini termasuk kerajaan berjanji menanggung semua perbelanjaan pengurusan dan pembangunan Sekolah-sekolah Menengah *Conforming*, satu pertiga masa persekolahan digunakan untuk mengajar Bahasa Cina, menyediakan guru yang mencukupi dan terlatih, mengekalkan kedudukan dan kuasa lembaga pengelola sekolah di sisi undang-undang.

Pada 1 Disember 2010, Dong Zong telah mengemukakan memorandum yang bertajuk “Pandangan Dan Cadangan Mengenai Penyelesaian Masalah-Masalah Yang Dihadapi Oleh Sekolah-Sekolah Menengah *Conforming* / Sekolah-Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK)” kepada YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran, Tan Sri Muhyiddin Yassin. Masyarakat Cina berharap kerajaan menunaikan janji-janji di atas, memberi layanan adil kepada Sekolah-Sekolah Menengah *Conforming* dan bertanggungjawab membangunkan sekolah-sekolah itu.

Selain itu, kelas bahasa Cina merupakan saluran penting bagi pelajar-pelajar sekolah menengah kebangsaan (SMK), khas pelajar-pelajar Cina mempelajari bahasa Cina.

Sejak tahun 2000, Kementerian Pelajaran telah melantik jawatan Penolong Pengarah Bahasa Cina di setiap negeri untuk mengendalikan kelas bahasa Cina di SMK. Ini telah membawa kepada perkembangan kelas bahasa Cina di SMK. Namun demikian, kelas bahasa Cina masih tidak mendapat perhatian sepenuhnya daripada Kementerian Pelajaran, lebih-lebih lagi, penyelewengan yang berlaku telah menyebabkan kelas bahasa Cina SMK menghadapi pelbagai masalah.

Masalah-masalah tersebut meliputi masalah kekurangan guru bahasa Cina, kelas bahasa Cina tidak diadakan walaupun terdapat pelajar-pelajar yang ingin mempelajari bahasa Cina dan kelas bahasa Cina diadakan di luar waktu persekolahan.

Sekiranya masalah-masalah berkenaan tidak diselesaikan, tentunya akan mendatangkan kesan negatif kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina manakala jumlah pelajar yang mengambil mata pelajaran Bahasa Cina dalam peperiksaan awam juga akan berkurangan. Ini seterusnya mendatangkan kesan negatif dalam latihan perguruan dan kualiti guru-guru Bahasa Cina di SJKC, SK, SMK dan Sekolah-sekolah Menengah *Conforming*.

Kehendak kami:

- (1) Kerajaan harus memberi layanan adil kepada Sekolah-sekolah Menengah *Conforming* dan bertanggungjawab membangunkan sekolah-sekolah itu, menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapinya serta menunaikan janji-janji kerajaan kepada sekolah-sekolah tersebut. Kerajaan harus memberi pertimbangan wajar dan menerima pandangan dan cadangan yang dikemukakan dalam memorandum bertajuk “Pandangan Dan Cadangan Mengenai Penyelesaian Masalah-Masalah Yang Dihadapi Oleh Sekolah-Sekolah Menengah *Conforming* / Sekolah-Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK)” kepada kerajaan. Antaranya termasuk:

- a) Menghormati kedudukan dan kuasa lembaga pengelola sebagai pihak yang mengurus sekolah.
 - b) Kesemua belanja mengurus dan pembangunan sekolah hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan, termasuk pembayaran bil air, elektrik dan lain-lain melalui “sistem bayaran pukal” kerajaan, memperuntukan wang dan tanah untuk pembinaan dan penyelenggaraan sekolah.
 - c) Pengetua, guru-guru penolong kanan dan penyelia yang dilantik ke Sekolah-sekolah Menengah *Conforming* hendaklah berkelayakan dalam Bahasa Cina dan perlantikan tersebut hendaklah dipersetujui oleh pihak lembaga pengelola sekolah. Lembaga pengelola sekolah juga berhak mencadangkan calon pengetua, guru-guru penolong kanan dan penyelia yang dipersetujui oleh lembaga pengelola untuk dilantik oleh Kementerian Pelajaran.
 - d) Melatih dan menghantar pengetua, guru penolong kanan, guru penyelia, guru Bahasa Cina dan guru mata pelajaran lain yang mencukupi dan berkelayakan untuk Sekolah-sekolah Menengah *Conforming*.
 - e) Menunaikan janji-janji kerajaan kepada Sekolah-sekolah Menengah *Conforming*, termasuk menanggung semua perbelanjaan sekolah, satu pertiga masa persekolahan digunakan untuk mengajar Bahasa Cina, menyediakan guru yang mencukupi dan terlatih, mengekalkan kedudukan dan kuasa lembaga pengelola sekolah di sisi undang-undang.
 - f) Menghormati keputusan Sekolah-sekolah Menengah *Conforming* untuk menetapkan Bahasa Cina sebagai mata pelajaran yang wajib dipelajari dan diambil dalam peperiksaan awam oleh pelajar-pelajarnya.
 - g) Jabatan Pelajaran Negeri harus berunding dengan pihak lembaga pengelola sekolah dalam aspek pengambilan pelajar. Jabatan Pelajaran Negeri juga harus menghormati keputusan pihak lembaga pengelola Sekolah-sekolah Menengah *Conforming* yang hanya menerima tamatan daripada Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) sahaja.
- (2) Kerajaan harus mengumumkan dan menambah projek dan peruntukan pembangunan lima tahun Sekolah-sekolah Menengah *Conforming* di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (Tahun 2011-2015).
- (3) Kerajaan harus mengadakan sistem dan rancangan latihan perguruan yang sempurna, termasuk menambah pengambilan pensyarah, guru latihan dan kursus perguruan supaya menghasilkan tenaga pengajar yang mencukupi dan berkelayakan untuk mengajar di kelas bahasa Cina dan kelas kesusasteraan Cina di Sekolah-sekolah Menengah *Conforming* dan Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan.

- (4) Kerajaan harus menetapkan kelas-kelas bahasa Cina diatur dalam jadual waktu persekolahan, menambah bilangan kelas bahasa Cina, menetapkan Bahasa Cina sebagai mata pelajaran yang wajib belajar dan diambil dalam peperiksaan awam bagi pelajar-pelajar yang datang dari sekolah-sekolah rendah Cina (SJKC).
- (5) Kerajaan harus mengkaji semula dan memperbaiki kurikulum, pengajaran dan pembelajaran serta peperiksaan mata pelajaran Bahasa Cina. Selain itu, kerajaan juga harus mengkaji sebab-sebab sebenar yang menyebabkan peratusan pelajar yang mendapat gred A+ bagi mata pelajaran Bahasa Cina dalam peperiksaan SPM adalah begitu kecil jumlahnya. Piawaian dan cara pemarkahan mata pelajaran Bahasa Cina dan tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah-masalah berkenaan harus diumumkan secara telus.

10. Memulihkan Kewarganegaraan Mendiang Encik Lim Lian Geok

Pada tahun 1964, kerajaan telah melucutkan kewarganegaraan Encik Lim Lian Geok manakala sijil pendaftaran beliau sebagai seorang guru juga dilucutkan pada tahun 1961. Sungguhpun begitu, beliau tetap tinggal di negara ini dan meninggal dunia pada 18 Disember 1985. Beliau telah membuktikan taat setia, cinta dan sumbangannya kepada negara ini. Walaupun sekian lama Encik Lim Lian Geok telah meninggal dunia, masyarakat Cina tetap mengharapkan kewarganegaraan beliau dipulihkan.

Mendiang Lim Lian Geok merupakan bekas pengerusi Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong) dan pernah memimpin masyarakat Cina membantah penukaran sekolah-sekolah menengah Cina kepada sekolah-sekolah menengah Inggeris pada tahun 1960-an.

Kehendak kami:

- (1) Kerajaan harus memandang serius keinginan masyarakat Cina supaya kerajaan memulihkan kewarganegaraan mendiang Encik Lim Lian Geok.

11. Menyokong Pembangunan Pelbagai Aliran Institusi Pengajian Tinggi

Pembangunan Kolej New Era, Kolej Selatan dan Kolej Han Chiang merupakan suatu aset dan keistimewaan kepada negara kita. Mereka telah memperkayakan ciri-ciri masyarakat berbilang bangsa negara kita dan akan membuat sumbangan yang lebih besar kepada negara sekiranya mereka dinaik taraf ke

tahap universiti.

Kehendak kami:

- (1) Kerajaan harus mengamalkan dasar terbuka untuk menyokong pembangunan pelbagai aliran institusi-institusi pengajian tinggi, termasuk memberi bantuan kewangan kepada Kolej New Era, Kolej Selatan dan Kolej Han Chiang setiap tahun dan meluluskan permohonan mereka untuk dinaik taraf ke tahap universiti.

12. Pengiktirafan Ijazah Universiti Luar Negara

Dunia kini berada dalam era globalisasi dan masyarakat berasaskan pengetahuan. Persaingan antara negara meliputi persaingan modal insan. Sekiranya negara kita ingin mencapai objektif sebagai pusat pendidikan serantau, maka kerajaan harus melaksanakan dasar yang terbuka untuk mengiktiraf lebih banyak lagi ijazah universiti luar negara serta mengatasi masalah-masalah kualiti dan daya saing institusi-institusi pengajian tinggi.

Pada 28 April 2011, Malaysia dan China telah menandatangani satu perjanjian bagi saling mengiktiraf sepenuhnya ijazah universiti antara kedua-dua negara. Selain itu, Kementerian Pengajian Tinggi sedang berbincang dengan pihak Taiwan yang berkenaan berhubung dengan soal pengiktirafan sepenuhnya ijazah universiti dari Taiwan.

Kehendak kami:

- (1) Kerajaan harus mengumumkan isi kandungan dan pelaksanaan berkenaan perjanjian pengiktirafan ijazah universiti antara Malaysia dan China.
- (2) Kerajaan harus mengiktiraf lebih banyak lagi ijazah universiti luar negara berdasarkan taraf akademik, terutamanya institusi pengajian tinggi yang mempunyai pelajar negara kita. Ini termasuklah pengiktirafan sepenuhnya ijazah universiti dari Taiwan

13. Pemberian Biasiswa Kerajaan Dan Pengambilan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam Berdasarkan Sistem Merit

Selama ini, dasar yang diamalkan dalam pemberian biasiswa kerajaan dan pengambilan pelajar ke institusi-institusi pengajian tinggi awam (IPTA) menimbulkan pelbagai kontroversi dan rasa tidak puas hati. Ini menyebabkan kehilangan modal insan atau bakat yang cemerlang ke negara lain. Masalah ini amat merugikan negara kita dan kerajaan sukar menarik mereka kembali

berkhidmat di negara kita.

Kehendak kami:

- (1) Kerajaan harus mengamalkan sistem merit dalam pemberian pelbagai jenis biasiswa yang ditawarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Permohonan biasiswa hendaklah dibuka kepada semua pelajar tanpa mengira kaum. Kerajaan harus mengumumkan kelayakan permohonan, kriteria pemilihan dan maklumat perangkaan bagi menjamin mekanisme dan proses yang telus, adil dan bertanggungjawab. Selain itu, kerajaan juga harus memantau dan menambah baik mekanisme dan proses penawaran dan pengagihan biasiswa tersebut.
- (2) Kerajaan harus melaksanakan sistem merit yang berasaskan pencapaian akademik dan bukannya berasaskan politik kaum dan agama sebagai dasar pengambilan pelajar ke institusi-institusi pengajian tinggi awam. Selain itu, kerajaan harus menetapkan kriteria-kriteria pengambilan pelajar berasaskan keadaan sosioekonomi, keluarga tunggal, wilayah dan kecacatan kesihatan dalam penggubalan langkah-langkah untuk membantu golongan lemah agar mereka dapat mencapai tahap yang setanding dengan pelajar-pelajar lain.

14. Pelaksanaan Sistem Merit Dalam Pengambilan Dan Kenaikan Pangkat Ahli-ahli Akademik

Pengambilan dan kenaikan pangkat bagi ahli-ahli akademik di institusi-institusi pengajian tinggi awam (IPTA) hendaklah berasaskan kepada sistem merit. Penggunaan sistem kuota akan menjejaskan peluang golongan muda mendapat pendidikan berkualiti daripada pensyarah-pensyarah yang cemerlang, malah mendatangkan impak negatif terhadap kualiti pendidikan dan daya saing negara.

Kehendak kami:

- (1) Sistem merit harus diamalkan dalam pengambilan, penamatan perkhidmatan dan kenaikan pangkat ahli-ahli akademik di IPTA.
- (2) Kriteria-kriteria yang jelas untuk menilai prestasi seseorang ahli akademik IPTA termasuk penilaian oleh pelajar hendaklah ditetapkan. Kriteria-kriteria ini dijadikan asas bagi menamatkan perkhidmatan atau menaikkan pangkat seseorang ahli akademik.
- (3) Pemilihan dan perlantikan orang-orang yang berkebolehan cemerlang ke jawatan naib canselor, timbalan naib canselor dan dekan pusat pengajian di sesebuah IPTA hendaklah dilaksanakan tanpa mengira kaum dan kewarganegaraan.

15. Pengumuman Maklumat Secara Telus Dan Cepat

Sebagaimana yang dinyatakan terdahulu dalam memorandum ini, kerajaan tidak mengumumkan beberapa maklumat penting yang ingin diketahui oleh rakyat. Contohnya, kerajaan tidak mengumumkan jumlah peruntukan pembangunan lima tahun bagi setiap aliran sekolah rendah dan sekolah menengah *conforming* di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (Tahun 2011-2015). Selain itu, kerajaan juga tidak mengumumkan bilangan dan tempat pembinaan SJKC baru, peruntukan pembangunan, agihan tanah rizab sekolah dan jadual waktu pembinaan sekolah. Pentadbiran yang kurang telus akan menjejaskan keyakinan rakyat kepada kerajaan.

Kehendak kami:

- (1) Kerajaan harus mengumumkan statistik dan langkah-langkah pentadbiran negara secara telus dan cepat supaya rakyat lebih memahami arah tuju negara. Selain itu, kerajaan harus menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat, memenuhi keperluan rakyat dan memastikan hak dan kebajikan rakyat terpelihara.

(3) PENUTUP

Negara kita sudah mempunyai sekolah-sekolah yang pelbagai aliran bahasa sebelum mencapai kemerdekaan. Kewujudan tamadun Islam, China, India dan Barat serta sekolah-sekolah pelbagai aliran bahasa telah memperkayakan ciri-ciri masyarakat berbilang bangsa di negara kita. Kesemua ini merupakan aset dan kelebihan negara kita. Ini membantu negara kita memperkukuhkan daya saing di peringkat antarabangsa.

Justeru itu, kerajaan dan rakyat haruslah menghargai dan bersama-sama memajukan ciri-ciri masyarakat berbilang bangsa kita, dan berusaha memastikan semua aliran sekolah, bahasa, budaya dan agama di negara kita dapat berkembang dengan lebih baik di masa hadapan.

Kami berharap kerajaan memastikan semua aliran sekolah mendapat layanan yang adil dan ini hendaklah dijamin dari aspek undang-undang, dasar dan pelaksanaan.

Lampiran 1: Garis panduan perancangan sekolah yang ditetapkan oleh kerajaan


Piawaian perancangan sekolah rendah

Sekolah Rendah	Piawaian Penduduk	Bilangan Murid	Bil Murid Per Kelas	Keluasan Sekolah	Kawasan Tadahan
12 bilik darjah	3,000	420	Maksimum 35 orang per kelas	5-10 ekar (2-4 hektar)	0.4-0.8 km (1/4-1/2 batu) 10 minit masa perjalanan
24 bilik darjah	6,000	840			
30 bilik darjah	7,500	1,050			

Sumber:

- (1) Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia. **Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat**. Cetakan Pertama. 1997.
- (2) Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia. **Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Kemudahan Masyarakat**. Edisi Kedua. 1999.

Perancangan sekolah komuniti




Mengikut garis panduan perancangan sekolah yang ditetapkan oleh kerajaan, sebuah sekolah rendah dengan tanah seluas 5 hingga 10 ekar hendaklah disediakan bagi setiap 3000 hingga 7500 orang penduduk (600 hingga 1500 unit rumah) atau 420 hingga 1050 orang murid dalam sesuatu kawasan kejiranan.

Jarak di antara rumah kediaman dan sekolah rendah adalah sedekat 0.4 hingga 0.8 kilometer dan mengambil masa 10 minit untuk sampai ke sekolah. Selain itu, kepadatan maksimum adalah sebanyak 210 orang murid bagi setiap ekar tanah dan 35 orang murid bagi setiap kelas.

Catatan:

1. 3 unit perumahan (2500 orang penduduk setiap unit kejiranan) membentuk satu unit kejiranan (7500 orang). 3 unit kejiranan pula membentuk satu unit komuniti (22500 orang). 1 unit komuniti memerlukan 3 buah sekolah rendah.

Jarak dan masa perjalanan di antara rumah kediaman dan sekolah



Sekolah Kebangsaan Seksyen 6, Kota Damansara, Petaling Jaya, Selangor.

Catatan: Murid-murid bersekolah berdekatan dengan rumah kediaman. Pada tahun 2004, Sekolah Kebangsaan Seksyen 6 Kota Damansara mempunyai 1012 orang murid. Ia memenuhi konsep sekolah komuniti.

Jelasnya, kerajaan mempunyai satu sistem perancangan dan pembinaan sekolah untuk menubuhkan beberapa sekolah dalam sesuatu kawasan komuniti dan menyediakan persekitaran yang baik untuk murid-murid bersekolah berdekatan dengan rumah kediaman dan memudahkan perjalanan ko-kurikulum. Akan tetapi, dalam pelaksanaannya kerajaan mengutamakan pembinaan Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan, dan tidak menyediakan tanah dan

peruntukan pembangunan untuk membina SJKC dan SJKT baru secara sistematik.

Kerajaan harus memberi peruntukan wang dan tanah untuk membina sekolah rendah Cina dan Tamil secara sistematik, sama seperti cara pembinaan sekolah kebangsaan yang baru. Ia harus dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia, bajet tahunan, pelan dan projek pembangunan pendidikan Kementerian Pelajaran.

Kerajaan harus menetapkan dan mengagihkan tanah rizab sekolah kepada semua aliran sekolah untuk pembinaan sekolah, termasuk merancang dan membina sekolah setiap aliran mengikut konsep sekolah komuniti, struktur penduduk dan keperluan pendidikan di samping mengadakan piawaian perancangan dan pembinaan pelbagai aliran sekolah.

Mengikut konsep sekolah komuniti, tanah rizab sekolah boleh diagihkan kepada semua aliran sekolah, contohnya Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil masing-masing boleh membina sebuah sekolah baru. Pengagihan tanah rizab sekolah adalah berdasarkan struktur penduduk dan keperluan penduduk terhadap setiap aliran sekolah.

Lampiran 2: Senarai 82 buah universiti yang mempunyai tamatan Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia daripada 200 buah universiti terbaik di seluruh dunia pada tahun 2010 yang diumumkan oleh TIMES.

1. Yale University, USA
2. California Institute of Technology, USA
3. Cornell University, USA
4. University of Michigan, USA
5. University of Wisconsin-Madison, USA
6. Washington University In St.Louis, USA
7. University of Minnesota, USA
8. Purdue University, USA
9. Ohio State University, USA
10. Texas A&M University, USA
11. University of Arizona, USA
12. The State University of New Jersey – New Brunswick, USA
13. Indiana University Bloomington, USA
14. University College London, UK
15. University of Edinburgh, UK
16. University of Manchester, UK
17. University of Bristol, UK
18. University of Warwick, UK
19. University of Glasgow, UK
20. University of Birmingham, UK
21. University of Sheffield, UK
22. University of York, UK
23. University of Nottingham, UK
24. University of Southampton, UK
25. University of Leeds, UK
26. University of Sussex, UK
27. Cardiff University, UK
28. University of Liverpool, UK
29. University of Aberdeen, UK
30. Newcastle University, UK
31. University of Lancaster, UK
32. University of Leicester, UK
33. University of Reading, UK
34. Ecole Normale Supérieure, Paris, France
35. Ecole Polytechnique, France
36. Ecole Normale Supérieure de Lyon, France
37. University Pierre and Marie Curie, France
38. University of British Columbia, Canada

39. University of Toronto, Canada
40. University of Alberta, Canada
41. McMaster University, Canada
42. The University of Western Ontario, Canada
43. Simon Fraser University, Canada
44. University of Calgary, Canada
45. Dalhousie University, Canada
46. Australian National University, Australia
47. University of Sydney, Australia
48. University of Melbourne, Australia
49. University of Queensland, Australia
50. University of New South Wales, Australia
51. Monash University, Australia
52. University of Western Australia, Australia
53. University of Adelaide, Australia
54. Macquarie University, Australia
55. The University of Auckland, New Zealand
56. University of Otago, New Zealand
57. University of Canterbury, New Zealand
58. Peking University, China
59. Tsinghua University, China
60. Fudan University, China
61. Nanjing University, China
62. Shanghai Jiao Tong University, China
63. University of Hong Kong, Hong Kong
64. Hong Kong University of Science and Technology, Hong Kong
65. The Chinese University of Hong Kong, Hong Kong
66. City University of Hong Kong, Hong Kong
67. National Taiwan University, Taiwan
68. National University of Singapore, Singapore
69. Nanyang Technology University, Singapore
70. University of Tokyo, Japan
71. Kyoto University, Japan
72. Osaka University, Japan
73. Tokyo Institute of Technology, Japan
74. Tohoku University, Japan
75. Nagoya University, Japan
76. Kyushu University, Japan
77. Hokkaido University, Japan
78. Waseda University, Japan
79. Kobe University, Japan
80. Seoul National University, South Korea
81. Korea Advanced Institute of Science and Technology, South Korea
82. Pohang University of Science and Technology, South Korea